

01/01/2001

Kurang motivasi punca keciciran pelajar

Hatipah Ahmad

KEGAGALAN pelajar Melayu dalam bidang akademik berbanding pelajar kaum lain bukan perkara baru. Setiap kali isu itu dibangkitkan dalam seminar atau pertemuan, kesimpulan diputuskan bahawa pelajar Melayu masih tidak mampu membentuk golongan berjaya walaupun dibantu dengan ihsan kerajaan.

Keluhan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan ulang tahun ke-50 Rida-Mara di Kuala Lumpur baru-baru ini, membuktikan bahawa gejala pelajar Melayu yang kandas dalam pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah tinggi dan berada pada peringkat membimbangkan.

Seorang tokoh pendidik yang juga seorang penolong pendaftar IPT Awam dalam ucapannya pada satu bengkel penulisan baru-baru ini pernah mengeluh mengenai prestasi pelajar Bumiputera dalam semua peringkat, terutamanya di IPT. Katanya, ramai pelajar Bumiputera yang terpaksa 'ditendang' kerana tidak menunjukkan prestasi memuaskan pada peringkat universiti.

Menurutnya, jika 60 pelajar Bumiputra hadir pada hari pendaftaran, hanya 40 yang akan ditemui ketika hari konvokesyen. Sebaliknya, jika 60 pelajar bukan Bumiputera mendaftarkan diri, lazimnya, semua mereka akan keluar dengan ijazah. Ini bermakna, hampir satu pertiga pelajar Bumiputra tidak berjaya menghabiskan pendidikan peringkat tinggi di institusi awam itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata, gejala pelajar kandas tidak sepatutnya dilabelkan kepada pelajar Melayu dan Bumiputera, tetapi wajar dilihat secara menyeluruh.

Ini kerana ramai juga antara mereka yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam pelbagai bidang, katanya.

Menurutnya, masalah keciciran bukan masalah pelajar Melayu saja, malah kaum lain termasuk Cina dan India juga mencatatkan kadar kandas pelajaran, cuma jumlah mereka lebih kecil.

"Apa yang penting dalam menangani masalah ini bukan soal siapa yang perlu dipersalahkan, tetapi kita perlu mencari punca dan jalan penyelesaiannya bagi mengurangkan kadar itu," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian, baru-baru ini.

Mahadzir berkata, kementerian mengenal pasti beberapa sebab yang menjadi punca pelajar Bumiputera terkandas ketika berada di IPT.

Menurutnya, kementerian juga sudah melaksanakan beberapa pendekatan seperti mengadakan hubungan dan kerjasama erat dengan pihak universiti bagi menanganinya.

Antara pelan kementerian ialah dengan menggalakkan perkembangan sikap yang positif di kalangan pelajar dan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kursus dipilih dan dikehendaki berikutan bertambahnya jumlah pelajar yang silap pilih kursus yang sesuai.

"Insya-Allah jika pendekatan pro aktif kementerian dan pihak universiti ini berjalan lancar, kami yakin jumlah pelajar yang terkandas dapat dikurangkan pada masa depan," katanya.

Ditanya sebab mereka kandas, Mahadzir berkata, permasalahan ini sebenarnya tidak wajar dilihat sebagai sebab tersendiri tetapi secara menyeluruh meliputi semua kaum.

"Kita tidak mahu melihat ini sebagai masalah tersendiri sesuatu kaum saja, tetapi wajar dirangkum menjadi sebab atau faktor global yang dihadapi semua orang," katanya.

Sementara itu, seorang lagi tokoh pendidik, Tan Sri Profesor Awang Had Salleh, berkata masanya sudah tiba untuk orang Melayu menyusun langkah dan

menukar identiti dari bangsa yang gemar bercakap mengenai masalah kepada bangsa yang melakukan sesuatu untuk menyelesaikan masalah, terutama dalam isu pendidikan.

Katanya, sifat yang perlu dibuang ialah pergantungan terus menerus kepada kerajaan hingga menyebabkan kurangnya inisiatif individu atau institusi bukan kerajaan untuk menanganinya, terutama apabila memperkatakan mengenai isu pendidikan.

"Pelajar Bumiputera terlalu selesa menadah dan menanti biasiswa kerajaan tanpa mahu mengusahakan sesuatu dengan sendiri.

"Begitu juga dengan persatuan yang mewakili Melayu di negara juga perlu kurang bercakap dan mencadangkan bahawa kerajaan harus melakukan itu dan ini atau memberikan peruntukan itu dan ini dengan harapan masalah ini dapat diselesaikan," katanya.

Menurutnya, antara punca keciciran pelajar Bumiputera yang berlaku dari bangku sekolah hingga ke IPT ialah disebabkan kurangnya rasa tanggungjawab dan motivasi untuk belajar.

Katanya, pelajar yang kurang bermotivasi dan rasa tanggungjawab ini akan cuba mengelak dari menghadiri kelas dan tutorial.

"Ini bagi menggalakkan kepada sikap kurang mengulang kaji atau memiliki nota sendiri yang lengkap, malah lebih senang membuat salinan nota rakan-rakan.

"Sikap ini membawa kesan ke atas keputusan peperiksaan dan hanya melayakkan mereka mengulang kursus tertentu atau ditendang keluar dari pusat pengajian.

"Bukan hendak dikatakan terlambat, kerana kita sepatutnya sudah bertindak lama dulu untuk menangani masalah ini. Kini adalah masa yang paling sesuai untuk berubah," katanya.

(END)